

# Belanjawan 2025 buka pemikiran rakyat kepada sastera dunia

● Perlu ditegaskan mengurangkan kebergantungan kepada bahasa Inggeris sebagai bahasa sekunder dalam proses pengajaran dan pembelajaran utama rakyat Malaysia sebenarnya adalah sesuatu yang rasional dan boleh dijelaskan

● Melalui penterjemahan, kandungan berharga dalam karya sastera berkenaan dapat diakses oleh semua lapisan masyarakat tanpa mengira tahap kebolehan bahasa mereka



Oleh Dr Lutfan Jaen  
bhrencana@bh.com.my

Di sebalik Belanjawan 2025 memacu pertumbuhan lebih segar dan memberi makna kepada ekonomi MADANI, nampaknya usaha berkaitan peningkatan mutu bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu tidak dipinggirkan.

Lebih penting lagi, usaha mengangkat darjat bahasa dan kesusasteraan sebagai wadah pembangunan budaya, nilai serta jati diri negara bagi memberi manfaat rakyat terbanyak.

Ia secara tidak langsung selari penekanan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim sejak memperkenalkan konsep Gelombang Asia Timur, meskipun ia banyak merujuk

kepada potensi ekonomi dan kebangkitan pesat negara ASEAN dalam pelbagai bidang.

Namun, penekanan untuk memartabatkan bahasa dan kesusasteraan tampaknya terserlah menerusi dua ikhtiar dalam Belanjawan 2025 seperti digariskan, iaitu Ikhtiar ke 39 berkaitan 'Pendidikan Tinggi' dan Ikhtiar 57 berkaitan 'Bahasa dan Karya Kreatif'.

Secara jelas pada Ikhtiar ke 39 ialah falsafah pendidikan tinggi perlu terus diperkasakan dengan strategi lanjutan, iaitu meningkatkan mutu bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu.

Penekanan ini penting kerana usaha berkenaan sangat berkait rapat dengan identiti, perkembangan intelektual dan kemajuan sesebuah negara mengikut acuan sendiri. Bahasa Melayu di negara ini sepatutnya bukan sekadar berfungsi sebagai bahasa komunikasi harian tetapi juga sebagai medium penyampaian ilmu tinggi.

Sesungguhnya peningkatan mutu bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu membolehkan ilmu pengetahuan dihasil, dikembangkan dan didokumentasi dalam bahasa sendiri.

Ia memerlukan satu tatakelola teratur dan jiwa besar dari seluruh kepimpinan serta rakyat. Memperkaya penyelidikan dan penulisan ilmiah dalam bahasa ibunda agar boleh diakses dan dihadap oleh pelbagai lapisan masyarakat yang menjadi satu cita-cita murni negara.

Perlu ditegaskan mengurangkan kebergantungan kepada bahasa Inggeris sebagai bahasa sekunder dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) utama rakyat Malaysia sebenarnya adalah sesuatu yang rasional dan boleh dijelaskan.

Ia sesungguhnya bertepatan dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang menekankan pembentukan insan seimbang dari segi jasmani, emosi,

rohani, intelektual dan sosial berdasarkan nilai tempatan.

Sesungguhnya bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu itu sudah terbukti mampu membentuk individu dengan kearifan lokal yang tersendiri.

Usaha ini bukan bermakna kita mahu membentuk pemikiran yang 'terpinggir' dan 'terpencil', malah globalisasi sememangnya menuntut penguasaan masyarakat terhadap bahasa lain juga.



gitalisasi ini, terutama membabitkan Revolusi Industri 4.0 (IR4.0) dan IR5.0.

Melalui Ikhtiar Ke-57 Belanjawan 2025 pula, ia begitu terang menjelaskan keperluan khazanah bahasa dan sastera perlu dijaga dan dipertahankan. Dalam hal ini, sekali la-

gi kerajaan memperuntukkan RM50 juta kepada Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) untuk bekerjasama dengan penggiat bahasa dalam mempromotif aktiviti bahasa serta kesusasteraan.

Ini pastilah termasuk usaha menterjemah karya besar luar negara yang mempunyai nilai estetika tinggi dengan keindahan bahasa dan makna mendalam.

Mengalih bahasa karya sastera dan kesusasteraan asing adalah penting bagi memperkayakan variasi khazanah sastera sendiri. Ia membolehkan masyarakat melihat idea, gaya dan tema penulisan dari pelbagai sudut pandangan serta pemikiran berbeza.

Hal itu bermakna pembaca, iaitu warga negara ini berupaya memahami kehidupan dan nilai budaya lain memupuk sikap toleransi serta keterbukaan.

Kearifan lokal juga mampu diperkaya dan berinovasi dengan memahami falsafah, pemikiran serta isu dalam sastera asing yang diterjemah ke bahasa Melayu.

Melalui penterjemahan, kandungan berharga dalam karya sastera berkenaan dapat diakses oleh semua lapisan masyarakat tanpa mengira tahap kebolehan bahasa mereka.

Ini membolehkan pembaca Malaysia pada semua peringkat berfikir lebih kritis dan mampu mengimbangi pengaruh globalisasi semasa. Contohnya terhadap isu keadilan sosial, ekonomi, peperangan, kemanusiaan dan hak asasi.

Tidak kurang pentingnya adalah sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan yang kebetulannya diadakan pada Oktober ini bersempena Dekad Bahasa Kebangsaan dengan tema Sayangi Bahasa, Sayangi Negara.

Di satu sisi, ia bagaikan tamparan hebat kepada jati diri warga negara yang lama meletakkan bahasanya di satu tempat mulia. Dalam kesibukan pembangunan tidak terhenti, darjat bahasa dan kesusasteraan negara perlu dipertahankan demi memperkukuhkan keupayaannya bersaing di pentas dunia tanpa kehilangan jati diri.

Justeru, kita mengharapkan terus ada sinar kepada bahasa Melayu dan bahasa kebangsaan serta sastera kebangsaan dalam kewajaran peruntukan Belanjawan MADANI 2025.

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH

“Mengalih bahasa karya sastera dan kesusasteraan asing adalah penting bagi memperkayakan variasi khazanah sastera sendiri. Ia membolehkan masyarakat melihat idea, gaya dan tema penulisan dari pelbagai sudut pandangan serta pemikiran berbeza”

#### Laksana strategi lebih berkesan

Namun, bagi memastikan Malaysia kekal berdaya saing pada peringkat global tanpa mengorbankan warisan budaya dan bahasa sendiri, maka satu usaha komprehensif diperlukan selaras aspirasi Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Komitmen Kerajaan MADANI ini terlihat pada naskah Belanjawan 2025 apabila Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) menerima peruntukan sebanyak RM50 juta secara keseluruhan bagi menerajui kecerdasan buatan (AI) alih bahasa dalam usaha mengangkat bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu.

Ia menunjukkan kesungguhan kerajaan beradaptasi dan mampan dalam menyesuaikan keperluan pemerikasaan bahasa Melayu pada era di-